



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh  
75450 Melaka

Tel : 06-2895000  
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207  
Web: www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/11(5)  
Tarikh : 18 Mac 2022  
Bersamaan: 15 Syaban 1443H

**Ketua Pusat Tanggungjawab**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (SECOND VALIDATION)  
PEMBAYARAN KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat JANM telah mengeluarkan Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 3 Tahun 2021 berkenaan Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Bagi Pembayaran Kerajaan Melalui Pindahan Dana Elektronik (*Electronic Funds Transfer*) bertarikh 10 November 2021.

3. Sehubungan dengan itu, bagi meminimakan kesilapan bayaran dan mengukuhkan integriti proses pembayaran kerajaan, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dikehendaki menyemak maklumat penerima bayaran yang akan diemelkan kepada wakil Unit Kewangan di PTJ masing-masing. Maklumat penerima bayaran ini akan diemel secara berperingkat kepada PTJ terlibat dan semua PTJ ini adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan memastikan data maklumat penerima bayaran tersebut telah dikemaskini. **Maklumat templat yang telah dikemaskini perlu dikemukakan semula kepada jabatan ini mengikut tarikh akhir yang akan ditetapkan di dalam arahan emel jabatan ini beserta dengan Lampiran A - Borang Pengesahan Pengemaskinian Oleh Ketua Jabatan** seperti di lampiran disertakan.

4. Bersama-sama ini disertakan GPANM Bilangan 3 Tahun 2021 dan Lampiran A - Borang Pengesahan Pengemaskinian Oleh Ketua Jabatan untuk makluman dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M), CPA (Aust.))**  
Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka

**LAMPIRAN A**

Pengarah,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Melaka,  
Aras 5, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan MITC,  
**75450 Ayer Keroh, MELAKA**  
(u.p : Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan)

**BORANG PENGESAHAN PENGEMASKINIAN OLEH KETUA JABATAN**

Adalah disahkan bahawa Maklumat Penerima Bayaran yang diterima melalui emel telah dikemaskini oleh pejabat ini seperti maklumat berikut :

Tarikh emel ke JANM Melaka : \_\_\_\_\_  
Bilangan Penerima Bayaran telah dikemaskini : \_\_\_\_\_  
Bilangan Penerima Bayaran tidak dikemaskini : \_\_\_\_\_  
beserta catatan \_\_\_\_\_

Sekian, terima kasih.

Tandatangan Ketua Jabatan : \_\_\_\_\_  
Nama Ketua Jabatan : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Cop jabatan : \_\_\_\_\_